

PM:Undian tak sama sebab kalah 3 calon BN Sabah-Sarawak

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat kekalahan tiga calon BN ditangan DAP di Sabah dan Sarawak disebabkan hari pengundian terakhir tidak serentak di Semenanjung.

Perdana Menteri berkata, ini menyebabkan apa kesan yang berlaku di Semenanjung akan mempengaruhi pengundi-pengundi di Sabah dan Sarawak.

Dengan demikian, katanya, adalah lebih baik pengundian berperingkat-peringkat di negeri itu diadakan awal dan pilihanraya serentak di seluruh negara diadakan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kekalahan calon BN satu di Sabah dan dua di Sarawak ditangan DAP.

DAP dapat mempertahankan kerusinya di Sandakan di samping merampas dua kerusi dari parti SUPP iaitu Bandar Sibu dan Bandar Kuching.

Menjawab satu soalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan tidak mahu mengambil tindakan terhadap parti-parti pembangkang yang mengadakan kempen masing-masing kerana tidak mahu dituduh sebagai terlalu menekan pembangkang.